

07/05/2001

Bekas anggota mahu perhimpunan Gerak Khas jadi acara tahunan

Wan Hamid Rosli

MELAKA, Ahad - Bekas anggota Rejimen Gerak Khas Malaysia (RGK) mahukan perhimpunan perdana warga Gerak Khas yang diadakan semalam, dijadikan sebagai acara tahunan.

Ini kerana perhimpunan itu dapat menemukan semua anggota RGK di samping mengetahui masalah yang dihadapi selepas bersara dari pasukan itu.

Perhimpunan yang diadakan di Markas 21 Gerup Gerak Khas (21GGK) Kem Sungai Udang di sini, turut mencatat sejarah apabila dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Seorang pesara RGK, Rosli Hassan, 51, berkata langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk mengadakan perhimpunan perdana itu sangat baik dan memberi kesan positif kepada semua pesara RGK.

Katanya, dengan adanya program itu, semua bekas anggota RGK dapat berkumpul semula di samping mereka yang kurang bernasib baik boleh menjelaskan masalah masing-masing.

"Ini adalah perhimpunan pertama diadakan dan saya memang bersemangat untuk menyertainya kerana mahu bertemu rakan lama," katanya ketika ditemui di sini.

Seorang lagi pesara, Wan Hamid Wan Hassan, 51, berkata perhimpunan itu perlu diteruskan pada masa depan kerana memberi kesan yang baik kepada semua bekas anggota.

Katanya, jika tidak diadakan setahun sekali, perhimpunan perdana Warga Gerak Khas itu boleh dilaksanakan tiga tahun sekali sebagai menghargai jasa dan pengorbanan bekas anggota pasukan itu.

"Program ini juga membuktikan pasukan ini mementingkan kebajikan dan memberi pengiktirafan kepada anggota dan bekas anggota yang selama ini banyak menabur jasa kepada agama, bangsa dan negara," katanya.

(END)